

KENYATAAN MEDIA

RUU KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2023 LULUS DI DEWAN RAKYAT

Bacaan Kedua Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 telah dibahas dan diluluskan oleh Dewan Rakyat hari ini.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) komited dalam menangani krisis pencemaran alam sekitar yang boleh memberi impak negatif kepada kualiti alam sekitar, mengganggu gugat kesejahteraan rakyat dan kelangsungan aktiviti ekonomi negara.

Bagi memantapkan tadbir urus alam sekitar dan memperkukuhkan undang-undang sedia ada, Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 bertujuan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dengan menambah baik, memantapkan dan meningkatkan kadar penalti serta kompaun bagi membolehkan tindakan tegas diambil ke atas penjenayah alam sekitar.

RUU ini melibatkan pindaan 28 seksyen Akta 127 yang antara lain merangkumi pemantapan hukuman dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000, denda maksimum tidak melebihi RM10 juta dan penjara mandatori tidak melebihi tempoh 5 tahun. Selain itu, kadar kompaun juga telah ditingkatkan daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi 50% daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.

RUU ini menetapkan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual.

Selain itu, penjara mandatori tidak melebihi tempoh 5 tahun dikenakan ke atas kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan kepada keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).

Kementerian yakin bahawa pindaan akta ini dapat memantapkan penguatkuasaan, pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berulang di samping mendidik pihak industri dan masyarakat untuk bersama-sama melestarikan alam sekitar.

Ketegasan melalui peningkatan denda ini adalah sebagai isyarat keseriusan Kerajaan dalam membanteras pencemaran dan jenayah alam sekitar di Malaysia.

Kementerian sentiasa komited untuk memuktamadkan RUU in sebagai salah satu usaha dalam memperkasa aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang merupakan tanggungjawab bersama.

Untuk makluman, fasa kedua pindaan akta ini pula akan berbentuk substantif menjurus kepada isu-isu yang akan timbul berkaitan tadbir urus alam sekitar. Antaranya ialah mekanisme mengurus perdana alam sekitar (self-regulation), amalan industri hijau dan keperluan laporan Kelestarian Alam Sekitar oleh premis industri.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
25 MAC 2024